

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 3.11.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) bilakah Kerajaan Pusat akan mengikut langkah Kerajaan Negeri Sarawak yang mengiktiraf Sijil UEC; dan
- (b) mengapakah sehingga kini, sijil UEC masih tidak diiktiraf oleh Kerajaan Pusat.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung sijil *Unified Examination Certificate* (UEC) masih kekal untuk tidak mengiktiraf lulusan UEC atas sebab seperti berikut:

1. UEC merupakan anugerah persijilan peperiksaan yang dikelolakan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) yang tidak akur kepada Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan;

2. Standard kurikulum UEC adalah tidak sama dengan kurikulum kebangsaan;
3. Piawai dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawai sistem peperiksaan kebangsaan; dan
4. KPM tidak mengawal taraf piawai ujian peperiksaan UEC.

Berdasarkan kepada peruntukan dan peraturan pendidikan yang berkuat kuasa di bawah Akta Pendidikan 1996, maka, **KPM tidak berhasrat mengiktiraf sijil UEC** memandangkan ianya bukanlah pensijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh KPM dan sijil UEC tersebut juga tidak diiktiraf oleh kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah segera untuk memastikan setiap pili bomba di setiap unit perumahan di Kulim Bandar Baharu terutamanya dapat berfungsi supaya langkah awal dapat diambil ketika berlaku kecemasan atau kebakaran.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa memantau dan menyelenggara aset-asetnya termasuklah pili-pili bomba dari semasa ke semasa. Antara langkah yang diambil oleh JBPM bagi memastikan setiap pili bomba berfungsi dengan baik ialah:-

- (a) melaksanakan pemeriksaan secara berjadual;
- (b) mewujudkan program Teman Pili Bomba;
- (c) mengadakan kempen kesedaran; dan
- (d) pemeriksaan pili bomba oleh Pasukan Bomba Sukarela dan Pasukan Bomba Bantuan di kawasan komuniti mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengawal harga-harga yang ditetapkan oleh pemaju hartanah dalam penjualan rumah-rumah kediaman untuk mengelakkan harga-harga rumah kediaman tersebut daripada terus meningkat sehingga rakyat berpendapatan sederhana tidak mampu memilikinya lagi.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga rumah dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah kos tanah, kos bahan binaan dan buruh serta aktiviti spekulasi.

Malaysia mengamalkan sistem pasaran ekonomi bebas dan ianya turut melibatkan sektor hartanah dalam negara. Hal yang demikian menyebabkan Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menentukan harga dalam pasaran hartanah. Namun demikian, pelbagai bentuk inisiatif dan insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan kestabilan harga rumah. Berdasarkan Laporan Pasaran Harta 2014, peningkatan harga rumah dilaporkan terkawal dengan kadar peningkatan yang lebih perlahan berbanding beberapa tahun sebelumnya. Ia adalah hasil usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung spekulasi harga rumah.

Harga rumah yang tinggi lazimnya berlaku di bandar-bandar utama khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak

yang disebabkan oleh peningkatan kos tanah dan kos bahan binaan. Berdasarkan Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia (NAPIC), harga semua rumah bagi kelima-lima negeri tersebut pada suku pertama tahun 2015 adalah antara RM349,935 sehingga RM693,834 manakala bagi negeri-negeri lain adalah antara RM148,246 sehingga RM228,830.

Antara inisiatif yang berkesan untuk menstabilkan harga rumah adalah dengan meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran. Oleh itu, Kerajaan telah menyasarkan pembinaan 1 juta unit rumah mampu milik (dalam tempoh 2013 - 2018) yang digerakkan oleh sektor awam dan swasta termasuklah 500,000 unit oleh Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Bagi memastikan sasaran tersebut tercapai, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri KPKT yang bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 sekali setahun. Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Perumahan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang berperanan untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaraskan aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah secara lebih efektif dan efisien.

Kerajaan juga mengambil inisiatif untuk membantu rakyat dengan melepaskan (*release*) tanah-tanah milik Kerajaan bagi tujuan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik dan sekaligus berupaya menstabilkan harga rumah. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah memberikan pelbagai insentif dalam bentuk subsidi bagi Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), *facilitation grant* menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) oleh Unit Kerjasama Awam - Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain.

Pendekatan lain yang diambil oleh Kerajaan adalah dengan menangani aktiviti spekulasi yang merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga rumah. Bajet 2014 telah menggariskan beberapa langkah bagi menangani aktiviti spekulasi seperti berikut:

- (i) mengenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) pada kadar yang lebih tinggi;
- (ii) menaikkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing dari RM500,000 seunit kepada RM1juta seunit;



- (iii) meningkatkan ketelusan harga jualan dengan mempamerkan secara terperinci semua manfaat / insentif yang akan diberikan kepada pembeli;
- (iv) melarang pemaju melaksanakan kaedah *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang hanya akan membebankan pembeli dengan manipulasi kos semasa fasa pembinaan oleh pemaju;
- (v) mewajibkan pemaju melaporkan sebarang aktiviti pembelian melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan
- (vi) mengeluarkan panduan *Loan To Value* (LTV) di mana pinjaman yang diberikan adalah sebanyak 70% sahaja bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya. Baki 30% lagi perlu ditanggung sendiri oleh pembeli.